

01/03/2002

Dr Mahathir ajak semua negara Islam pulih imej

Wan Hazmir Bakar

KUALA LUMPUR, Khamis - Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad mengajak semua negara Islam berganding bahu berusaha memulihkan imej serta mengatasi masalah umat Islam di seluruh dunia, terutama berhubung tuduhan yang mengaitkan Islam dengan keganasan dan kemunduran.

Perdana Menteri, yang membuat cadangan itu dalam wawancara khas dengan stesen berita satelit Al Jazeera di London awal pagi ini berkata, negara Islam perlu sepakat dan mengambil tindakan lebih wajar bagi menyelesaikan permasalahan itu.

Beliau berharap negara Islam lain sama-sama mengemukakan cadangan supaya perubahan itu dapat dicapai pada mesyuarat Pertubuhan Persidangan Islam (OIC) akan datang yang dijadualkan di sini.

"Kami berharap persidangan yang akan diadakan tahun depan itu dapat mengeluarkan keputusan lebih bernas di kalangan dunia Islam bagi mengatasi masalah umat Islam seluruh dunia, terutamanya tuduhan bahawa orang Islam sebagai penganas, tidak bertanggungjawab dan tidak mampu membangunkan negara.

"Dalam tempoh perancangan ini, negara Islam boleh mengemukakan cadangan bagi menaikkan lagi imej Islam," katanya menjawab soalan pengacara program Tanpa Sempadan stesen televisyen itu, Ahmed Mansour.

Dalam wawancara selama sejam yang disiarkan secara langsung itu, Dr Mahathir ditanya mengenai pendirian Malaysia berhubung kempen Amerika Syarikat memerangi keganasan antarabangsa berikutan serangan penganas pada 11 September lalu.

Beliau turut menjawab soalan penonton menerusi panggilan telefon, faks dan mel elektronik, terutama berkaitan kejayaan Malaysia melaksanakan agenda pembangunan serta mengatasi krisis ekonomi selain isu politik tempatan.

Dr Mahathir berkata, Malaysia menolak tafsiran umum, khususnya oleh Barat, yang menyamakan keganasan dengan Islam kerana penganas juga wujud di kalangan penganut agama lain.

"Bagi saya kita sepatutnya mendefinisikan seseorang itu penganas melalui perbuatannya. Jika amalan mereka adalah ganas dan melampau terhadap orang awam yang tidak bersalah, maka kita namakan mereka penganas tanpa mengambil kira siapakah mereka dan dari mana mereka datang," katanya.

Perdana Menteri juga mengulangi pendirian Malaysia bahawa soal keganasan antarabangsa perlu ditangani di peringkat puncanya. Serangan terhadap mana-mana negara atau menubuhkan mana-mana kerajaan bukan jalan penyelesaian.

"Saya sudah menyatakan puncanya ialah isu Palestin. Selagi mana isu ini tidak diselesaikan selagi itulah mereka tidak akan dapat menghapuskan penganas. Kita pasti ramai lagi yang akan melakukan keganasan akibat tidak sanggup lagi menahan musibah yang menimpa mereka seperti di Palestin," katanya.

Mengenai dakwaan kononnya rakyat Malaysia turut terbabit dengan serangan 11 September itu, Dr Mahathir, yang menegaskan tuduhan tidak berasas menuntut pihak berkenaan mengemukakan bukti.

"Sehingga sekarang tiada sebarang maklumat yang boleh meyakinkan kami bahawa rakyat dan pemuda kami terbabit dengan apa-apa peranan dalam serangan 11 September itu," katanya.

Ditanya apakah Amerika membuat tuntutan khusus daripada Malaysia

berhubung kempenya memerangi keganasan, Dr Mahathir berkata Washington tidak berbuat sedemikian, sebaliknya menghargai sokongan negara terhadap usaha itu.

"Ketika saya bercakap dengan Presiden Amerika Syarikat (George W Bush) melalui telefon, beliau berterima kasih atas sokongan Malaysia," katanya sambil menambah media Barat sentiasa cuba memburuk-burukkan Malaysia.

Mengenai tekanan Amerika dan Barat terhadap negara Islam berhubung isu keganasan, Dr Mahathir berkata ia berpunca daripada salah faham rakyat Amerika sendiri mengenai isu itu serta gerakan tertentu yang mempengaruhi politik dalaman negara itu.

Menjawab persoalan ekonomi, Dr Mahathir berkata Malaysia mengalu-alukan kerjasama dalam bidang strategik dan ekonomi dengan negara Islam lain dan bersedia berkongsi kepakaran dan pengalaman.

"Tidak ada sebab kenapa kita tidak boleh bekerja sama. Setiap negara mempunyai kelebihan tersendiri dari segi persaingan dan saya yakin apabila kita bersatu kita akan lebih kuat. Sekarang kerjasama antara negara Islam adalah terlalu lemah.

"Negara Islam lain juga boleh mencapai kemajuan seperti Malaysia tanpa bergantung kepada hasil minyak jika mereka sanggup berusaha bersungguh dan mempelajari daripada negara lain.

"Ya, saya yakin negara lain juga mampu mencapai apa yang dicapai oleh Malaysia tetapi persoalannya adakah mereka mempunyai kemahuan atau tidak," katanya.

Mengenai cadangannya supaya negara Islam menggunakan mata wang dinar, Perdana Menteri berkata, ia boleh dilaksanakan dan menggesa negara Islam berbincang bagaimana untuk merealisasikannya.

"Sebahagian daripada masyarakat Islam bersetuju dengan penggunaan mata wang ini. Kami bercita-cita agar penggunaan mata wang ini menjadi kenyataan," katanya.

(END)